



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijeipc.com



**KEKUATAN DALAMAN DAN KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI
MURID DI INDONESIA SEPANJANG PANDEMIK COVID-19**

*INTERNAL STRENGTH AND PSYCHOLOGICAL WELL-BEING OF STUDENTS IN
INDONESIA DURING THE COVID-19 PANDEMIC*

Nashyira Hamsan^{1*}, Nor Shafrin Ahmad², Zulkifli Hussain @ Mat Hassan³, Raras Sutatminingsih⁴

¹ University Sains Malaysia
Email: nashyirahamsan@gmail.com

² University Sains Malaysia
Email: sham@usm.my

³ Ibu Pejabat MARA Kuala Lumpur
Email: zulkifli.hussain@mara.gov.my

⁴ Universitas Sumatera Utara, Medan, Indonesia
Email: rarasikandar2003@yahoo.com

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 10.05.2022

Revised date: 17.05.2022

Accepted date: 12.05.2022

Published date: 15.06.2022

To cite this document:

Hamsan, N., Ahmad, N. S., Hussain @ Mat Hassan, Z., & Sutatminingsih, R. (2022). Kekuatan Dalaman Dan Kesejahteraan Psikologi Murid Di Indonesia Sepanjang Pandemi Covid-19. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (46), 66-74.

DOI: 10.35631/IJEPC.746006

Abstrak:

Kekuatan dalaman adalah antara elemen penting yang perlu ada oleh murid sekolah bagi mengekalkan kesejahteraan psikologi sepanjang krisis pandemik COVID-19. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji perbezaan kekuatan dalaman dan kesejahteraan psikologi murid di Indonesia mengikut umur dan jantina. Kajian juga mengkaji hubungan kekuatan dalaman dan kesejahteraan psikologi. Kajian ini dijalankan secara kuantitatif melalui soal selidik yang diedarkan secara dalam talian. Responden kajian ialah murid-murid di sekitar Medan, Indonesia yang berumur antara 13 hingga 18 tahun. Seramai 186 orang murid lelaki dan 221 murid perempuan terlibat. Data dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Data diperoleh melalui ujian t, ANOVA Satu Hala dan Kolerasi Pearson. Dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan antara kekuatan dalaman dan kesejahteraan psikologi mengikut jantina. Namun terdapat perbezaan yang signifikan dalam kekuatan dalaman dan kesejahteraan psikologi mengikut umur. Dapatan kajian juga mendapati terdapat hubungan yang positif di antara kekuatan dalaman dan kesejahteraan psikologi. Dapatan yang diperoleh mencadangkan intervensi yang sesuai bagi meningkatkan kekuatan dalaman murid kerana ia sekaligus dapat membantu meningkatkan kesejahteraan psikologi. Intervensi juga boleh dibangunkan berbeza mengikut umur namun boleh disesuaikan mengikut murid lelaki dan perempuan.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)**Kata Kunci:**

Kekuatan Dalamana, Kesejahteraan Psikologi, Murid Sekolah, Indonesia, COVID-19

Abstract:

Internal strengths are among the important elements that school children need to have in order to maintain psychological well-being throughout the COVID-19 pandemic crisis. This study aims to examine the differences in internal strength and psychological well-being of students in Indonesia according to age and gender. The study also examined the relationship of internal strength and psychological well-being. The study was conducted quantitatively through a questionnaire distributed online. The respondents of the study were students around Medan, Indonesia aged between 13 to 18 years. A total of 186 male students and 221 female students were involved. Data were analyzed descriptively and inferentially. Data was obtained through t test, One-Way ANOVA and Pearson Correlation. The findings show that there is no difference between internal strength and psychological well-being according to gender. Yet there are significant differences in internal strength and psychological well-being according to age. The findings of the study also found that there was a positive relationship between inner strength and psychological well-being. The findings suggest that appropriate interventions to increase the internal strength of students because it can also help improve psychological well-being. Interventions can also be developed differently according to age but can be tailored according to male and female students.

Keywords:

Metacognition, Emotion Regulation, Self-Efficacy, Pre-Service Teachers

Pengenalan

Pada tahun 2019, kes COVID-19 pertama telah dilaporkan di China apabila terdapat banyak kes berkaitan pneumonia berlaku di Wuhan. Pada 13 Januari 2020, Thailand menjadi negara pertama luar daripada China melaporkan kes COVID-19 (World Health Organization, 2020). Pada Januari 2020, Malaysia melaporkan kes pertama tiga orang rakyat China yang dijangkiti COVID-19 ketika berkuarantin di Johor Bahru yang menjadi kontak rapat kes positif di Singapura (New Straits Time, 2020). Presiden Joko Widodo melaporkan kes COVID-19 pertama Indonesia pada Mac 2020 melibatkan seorang ibu dan anak di Depok, Jawa Barat yang dijangkiti COVID-19 selepas menjadi kontak rapat dengan seorang warga asing (Rochmyaningsih, 2020). Kementerian Singapura pula melaporkan kes pertama pada 23 Januari 2020 melibatkan seorang warga China yang datang ke Singapura daripada Wuhan bersama ahli keluarganya (Ministry of Health Singapore, 2020). Negara-negara di Asia Tenggara banyak menjadi contoh apabila berjaya mengawal COVID-19 pada gelombang pertama, namun begitu, kewujudan varian-varian baru menyebabkan kes COVID-19 semakin meningkat pada tahun 2021 (Chookajorn, Kochakarn, Wilasang, et al., 2021).

Pada Februari 2022, Indonesia telah mencatatkan seramai 5,231,923 orang yang telah positif COVID-19, dan 4,554,711 orang telah sembuh daripada jangkitan tersebut manakala seramai 146,541 orang telah meninggal dunia (Satuan Tugas Penanganan COVID-19, 2022). Kesan daripada COVID-19 di Indonesia mencetuskan panik moral dalam kalangan rakyat apabila terdapat banyak berita disebarikan salah satunya melalui medium Whatsapp (Muhammad

Taufiq Syam, Zulkifli Makmur & Aksar Nur, 2020). COVID-19 juga menyebabkan kadar kemiskinan semakin meningkat di Indonesia terutamanya kadar kemiskinan kanak-kanak (Michelle Andrina, Fauzan Kemal Musthofa, Sylvia Andriyani, et al., 2021). Kesan COVID-19 juga menyebabkan risiko penduduk Indonesia terutamanya mereka yang dalam kemiskinan atau mempunyai pekerjaan yang tidak menentu untuk kehilangan pendapatan dan memberi kesan kepada isi rumah kerana tidak boleh berkerja (Prihartini Budi Astuti & Arya Samudra Mahardhika, 2020). Di samping itu, 3.45 peratus dari isi rumah menunjukkan terdapat kanak-kanak yang berhenti sekolah di mana 31 peratus tidak mampu untuk membayar persekolahan dan 30 peratus hilang minat dalam pelajaran dan juga terdapat murid yang berhenti sekolah kerana berkerja untuk membantu keluarga (Michelle Andrina, Fauzan Kemal Musthofa, Sylvia Andriyani, et al., 2021). Kajian juga menunjukkan murid perempuan lebih banyak berhenti sekolah daripada lelaki.

Kekuatan dalaman merupakan sumber dalam kesejahteraan hidup kerana ia melibatkan penyembuhan dan berkait rapat dengan kesihatan (Koob et al, 2002). Kekuatan dalaman tidak hanya berfokus berkenaan diri sendiri tetapi mempunyai hubungan dengan orang lain seperti ahli keluarga dan kawan. Dalam hal ini seseorang ingin bertanggungjawab dalam menghadapi kesusahan bukan hanya pada diri sendiri tetapi juga orang lain. Kekuatan dalaman juga bermakna seseorang perlu tahu bahawa mereka percaya mereka mempunyai kekuatan dalam membuat keputusan dan boleh melakukan tindakan (Lundman, et al., 2009). Kesejahteraan psikologi adalah berkenaan tentang perasaan, bagaimana perasaan itu berfungsi serta penilaian dalam kehidupan dalam diri sendiri dan sosial (New Economics Foundation, 2012). Kesejahteraan psikologi berkait rapat dengan bagaimana seseorang berpuas hati dalam kehidupan mereka dari segi kawalan mereka dalam hidup dan tujuan mereka untuk hidup (New Economics Foundation, 2012).


Ciri-ciri kekuatan dalaman yang terdapat dalam individu adalah termasuk kemurahan hati, kesabaran dan ketahanan yang tinggi (Nahathai Wongpakaran, Tinakon Wongpakaran & Pimolpun Kuntawong, 2020). Individu yang mempunyai kekuatan dalaman berasa yakin dengan diri mereka dalam membuat sesuatu keputusan namun begitu masih mempunyai keyakinan dengan keputusan orang lain (Nygren et al., 2007). Kajian Lundman et al. (2010) menunjukkan bahawa individu yang mempunyai kekuatan dalaman tegas tetapi dalam sesetengah situasi, mereka boleh menjadi fleksibel kerana percaya bahawa mereka mempunyai pilihan. Individu yang mempunyai kesejahteraan psikologi yang tinggi tidak semestinya tidak merasai tekanan tetapi merasai kegembiraan, rasa mampu melakukan sesuatu, rasa disokong dan berpuas hati dengan kehidupan mereka (Huppert, 2009). Selain itu, individu yang mempunyai kesejahteraan psikologi yang tinggi mempunyai kualiti kehidupan yang lebih baik.

Dapatlah disimpulkan bahawa kekuatan dalaman penting dalam membantu individu percaya kepada kemampuan diri dalam membuat keputusan dan boleh melakukan tindakan selaras keperluan. Manakala kesejahteraan psikologi penting dalam membantu individu membuat kawalan dalam hidup bagi menentukan tujuan kehidupan mereka. Kekuatan dalaman menurut kajian lalu mempunyai hubungan yang positif dengan kesejahteraan psikologi. Menurut Viglund, et al. (2021), kekuatan dalaman mempunyai hubungan yang positif dengan kesejahteraan. Seseorang yang mempunyai penyakit mempunyai penilaian kesihatan yang tinggi apabila kekuatan dalaman mereka berfungsi dengan baik (Viglund et al., 2014). Justeru artikel ini membincangkan hubungan antara kekuatan dalaman dan kesejahteraan psikologi dalam kalangan murid di Indonesia semasa pandemik COVID-19.

Sorotan Kajian

Terdapat empat dimensi di dalam teori kekuatan dalaman berdasarkan pengalaman yang merangkumi keperitan dan pencarian (anguish and searching), keterkaitan (connectedness), perhubungan (engagement), pergerakan (movement), dan kehidupan norma baharu (Dingley & Roux, 2013). Keperitan dan pencarian mempunyai kaitan dengan rasa takut dan mencari makna berdasarkan pengalaman dalam cabaran kehidupan, keterkaitan memupuk sokongan dalam hubungan dengan diri, keluarga, kawan dan spiritual, perhubungan pula berkaitan dengan menentukan nasib diri dan berhubung dengan setiap perkara yang berlaku, pergerakan merangkumi aktiviti, masa rehat, keupayaan diri sendiri (Dingley & Roux, 2013). Menurut Chester (1992), kekuatan dalaman merupakan sumber yang digunakan oleh manusia untuk bertahan dengan cabaran kehidupan dan individu boleh mencari kekuatan dalaman apabila berhubung dengan mereka yang mempunyai masalah yang sama.

Menurut Ryff (1989), terdapat enam dimensi di dalam kesihatan psikologi yang positif. Enam dimensi berkenaan ialah autonomi, penguasaan alam sekitar, pertumbuhan peribadi, hubungan positif dengan orang lain, tujuan hidup dan penerimaan terhadap diri sendiri. Penerimaan diri berkaitan dengan diri sendiri dan masa lepas, pertumbuhan diri berkaitan dengan perkembangan diri sendiri, tujuan hidup membuatkan seorang percaya kehidupan mempunyai makna dan tujuan, seseorang juga perlu mempunyai kualiti hubungan yang baik dengan orang lain, penguasaan alam sekitar berkaitan dengan kapasiti seseorang mampu menguruskan kehidupan dengan sekeliling secara efektif dan autonomi memerlukan seseorang mempunyai rasa untuk menentukan nasib sendiri (Ryff & Keyes, 1995).



Rajah 1: Dimensi Kesejahteraan daripada Ryff (1986)

Dapatlah disimpulkan merujuk kepada Rajah 1 ini bahawa kekuatan dalaman berkait dengan kesejahteraan psikologi. Kekuatan dalaman dan kesejahteraan psikologi mempunyai kaitan antara satu sama lain. Kekuatan dalaman boleh membawa maksud sumber penting manusia untuk mencapai kesejahteraan dan kesembuhan (Roux, Dingley & Bush, 2002). Gabungan antara kesejahteraan dan kekuatan dalaman juga tidak terhad dalam kesembuhan. Seperti yang

dibincangkan, dimensi dalam kedua-dua hal ini mempunyai perkara yang sama seperti kualiti hubungan dengan orang lain dan penentuan nasib diri sendiri.

Objektif kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji:

1. perbezaan kekuatan dalaman dan kesejahteraan psikologi murid sekolah di Indonesia mengikut jantina
2. perbezaan kekuatan dalaman dan kesejahteraan psikologi murid sekolah di Indonesia mengikut umur
3. hubungan antara kekuatan dalaman dan kesejahteraan psikologi murid sekolah di Indonesia

Metodologi

Reka bentuk kajian tinjauan digunakan bagi menjawab objektif kajian. Pengumpulan data dibuat secara dalam talian melalui google-form yang disediakan. Sampel kajian merupakan murid-murid sekolah di Medan, Indonesia. Pengumpulan data kajian telah dilaksanakan bersama pengkaji di Universitas Sumatera Utara, Medan Indonesia melalui geran kerjasama Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, Universitas Sumatera Utara, Medan dan Persatuan Pendidik MARA.

Pemilihan responden adalah secara rawak. Jumlah murid yang terlibat ialah seramai 186 orang lelaki dan 221 orang perempuan. Soal selidik diedarkan kepada sampel kajian mengumpul maklumat demografi, kekuatan dalaman dan kesejahteraan psikologi. Maklumat demografi yang diperoleh adalah seperti jantina, umur, dan individu atau ahli keluarga pernah dijangkiti Covid-19 atau tidak. Untuk soal selidik kekuatan dalaman, sebanyak 9 item digunakan dan sebanyak 8 item untuk kesejahteraan psikologi. Dapatan dianalisis secara deskriptif iaitu secara peratus, min dan sisihan piawai. Manakala analisis inferensial menggunakan ujian t, ANOVA dan Korelasi Pearson bagi mengkaji perbezaan dan hubungan antara kekuatan dalaman dan kesejahteraan psikologi.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Demografi

Sampel kajian terdiri daripada 407 orang murid di Indonesia iaitu seramai 186 orang lelaki (45.7%) dan 221 perempuan (54.3%) terlibat dalam kajian ini. Sampel terlibat terdiri daripada julat umur 13 tahun hingga 18 tahun. Hanya seorang sahaja responden berumur 13 tahun (0.2%) terlibat dalam kajian ini. 21 orang berumur 14 tahun (5.2%), 87 orang berumur 15 tahun (21.4%), 135 orang berumur 16 tahun (33.2%), 140 orang berumur 17 tahun (34.4%) dan 23 orang berumur 18 tahun (5.7%). Dapatan ini menunjukkan bahawa jumlah yang paling sedikit adalah murid yang berumur 13 tahun dan yang paling ramai terlibat adalah murid yang berumur 17 tahun. Dapatan analisa mendapati min bagi umur adalah 16.13 (SD=0.99) dengan umur minimum adalah 13 tahun dan maksimum adalah 18 tahun. Dapatan analisa mendapati min bagi umur adalah 16.13 (SD=0.99) dengan umur minimum adalah 13 tahun dan maksimum adalah 18 tahun.

Seramai 44 orang (10.8%) yang terlibat dalam kajian ini pernah dijangkiti Covid-19 dan bakinya 363 orang (89.2%) tidak pernah dijangkiti. Selain itu, seramai 130 orang (31.9%) yang mempunyai ahli keluarga pernah dijangkiti Covid-19 dan 277 orang (68.1%) tidak mempunyai ahli keluarga yang pernah dijangkiti.

Perbezaan Kekuatan Dalaman Dan Kesejahteraan Psikologi Murid Sekolah Di Indonesia Mengikut Jantina

Jadual 1 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan kekuatan dalaman dan kesejahteraan psikologi mengikut jantina ($p > 0.05$). Ini bermakna murid lelaki dan perempuan di Indonesia mempunyai tahap kekuatan dalaman dan kesejahteraan psikologi yang sama. Dapatan adalah seperti berikut:

Jadual 1: Perbezaan Kekuatan Dalaman Dan Kesejahteraan Psikologi Mengikut Jantina

	Jantina	N	Min	F	T	df	Sig.(p)
Kekuatan dalaman	Lelaki	186	3.85	.240	1.749	405	.081
	Perempuan	221	3.72				
Kesejahteraan psikologi	Lelaki	186	3.99	.997	.614	405	.540
	Perempuan	221	3.95				

Menurut Viglund et al. (2013), perbezaan antara lelaki dan perempuan dengan kekuatan dalaman adalah signifikan tetapi tidak mempunyai perbezaannya yang besar dan selalunya kekuatan dalaman bagi jantina perempuan adalah lebih tinggi daripada lelaki (Viglund et al., 2013). Hal ini berbeza dengan kajian ini di mana lelaki ($\text{min}=3.85$) mempunyai kekuatan dalaman yang lebih tinggi daripada perempuan ($\text{min}=3.72$). Antara faktor yang mempengaruhi perbezaan antara kekuatan dalaman dan kesejahteraan psikologi adalah ahli keluarga, kawan-kawan, masyarakat dan alam sekitar (Viglund et al., 2013). Kesiediaan mereka untuk menghadapi cabaran juga mempengaruhi kekuatan dalaman dan kesejahteraan psikologi.

Menurut Matud, López-Curbelo, dan Fortes (2019), terdapat perbezaan yang signifikan di antara lelaki dan perempuan dalam kesejahteraan psikologi di mana lelaki mempunyai hubungan yang lebih signifikan dalam penerimaan terhadap diri sendiri dan autonomi, perempuan pula lebih mempunyai hubungan yang signifikan dalam pertumbuhan peribadi dan hubungan positif dengan orang lain. Namun begitu, kajian ini menunjukkan tiada hubungan yang signifikan di antara pelajar lelaki dan perempuan Indonesia dengan kesejahteraan psikologi. Hal ini menunjukkan bahawa murid-murid di Indonesia mempunyai tahap kesejahteraan psikologi yang sama dalam pandemik COVID-19 ini.

Perbezaan Kekuatan Dalaman Dan Kesejahteraan Psikologi Murid Sekolah Di Indonesia Mengikut Umur

Ujian ANOVA Satu Hala telah dijalankan untuk mengkaji perbezaan kekuatan dalaman dan kesejahteraan psikologi terhadap umur murid sekolah di Indonesia. Jadual 2 dan 3 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara kekuatan dalaman dan kesejahteraan psikologi terhadap umur ($p < 0.05$).

Jadual 2: Perbezaan Kekuatan Dalaman Mengikut Umur

	df	Min	F	Sig.
Kekuatan dalaman	5	2.760	5.752	.000

Jadual 3: Perbezaan Kesejahteraan Psikologi Mengikut Umur

	df	Min ²	F	Sig.
Kesejahteraan psikologi	5	2.228	5.671	.000

Di dalam kajian ini, perbezaan antara umur pelajar Indonesia dan kekuatan dalaman adalah signifikan. Hal ini bercanggah dengan kajian daripada Lundman et al. (2011). Menurut Lundman et al. (2011), tiada perbezaan yang signifikan di antara umur namun golongan muda mempunyai skor min yang rendah berbanding dengan golongan yang lebih tua. Hal ini menunjukkan bahawa kekuatan dalaman boleh meningkat mengikut umur berdasarkan pengalaman-pengalaman yang dilalui.

Perbezaan antara umur dan kesejahteraan psikologi mempunyai hubungan dengan lima daripada enam dimensi yang dinyatakan oleh Ryff kecuali dimensi hubungan yang positif dengan orang lain (De-Juanas, Bernal Romero, & Goig, 2020). Selain itu, umur di antara 18 tahun hingga umur 21 tahun menunjukkan skor yang lebih tinggi dalam kesejahteraan psikologi berbanding umur 16 tahun hingga 17 tahun (De-Juanas, Bernal Romero, & Goig, 2020).

Hubungan Antara Kekuatan Dalaman Dan Kesejahteraan Psikologi Murid Sekolah Di Indonesia

Jadual 4: Hubungan Antara Kekuatan Dalaman Dan Kesejahteraan Psikologi

		Kesejahteraan Psikologi	Kekuatan Dalaman
Kesejahteraan Psikologi	Korelasi Pearson	1	.744**
	Sig. (2-tailed)		.000
	N	407	407
Kekuatan Dalaman	Korelasi Pearson	.744**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	407	407

Dapatan daripada analisis korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan positif yang kuat dan signifikan di antara kekuatan dalaman dan kesejahteraan psikologi murid sekolah di Indonesia. Ini menunjukkan bahawa apabila murid mempunyai kekuatan dalaman yang tinggi maka kesejahteraan psikologi mereka juga adalah tinggi dan sebaliknya.

Terdapat hubungan yang positif di antara kekuatan dalaman dan kesejahteraan psikologi. Hal ini berkaitan dengan kajian daripada Viglund et al. (2021) di mana kesihatan yang baik

merupakan petanda positif dalam kekuatan dalaman manakala krisis dan penyakit merupakan petanda negatif kepada kesejahteraan psikologi (Viglund et al., 2021). Hal ini dapat dikaitkan dengan pandemik COVID-19 yang mendatangkan pelbagai kesan sampingan. Kajian ini mendapati bahawa pelajar yang mempunyai kekuatan dalaman yang tinggi juga mempunyai kesejahteraan psikologi yang tinggi.

Kesimpulan

Berdasarkan dapatan yang diperoleh, terdapat hubungan yang positif di antara kekuatan dalaman dan kesejahteraan psikologi murid di Indonesia sepanjang COVID-19. Manakala tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kekuatan dalaman dan kesejahteraan psikologi mengikut jantina. Namun begitu, kekuatan dalaman dan kesejahteraan psikologi mempunyai perbezaan yang signifikan dari segi umur. Daripada kajian ini, satu intervensi yang boleh membantu meningkatkan kekuatan dalaman sekaligus akan membantu kesejahteraan psikologi boleh dilakukan kerana kedua-dua ini mempunyai hubungan yang positif. Selain itu, simptom-symptom yang mempengaruhi perbezaan kekuatan dalaman dan kesejahteraan psikologi pada umur juga boleh dikaji dengan lebih mendalam kerana terdapat perbezaan yang signifikan dalam kedua aspek ini.

Penghargaan

Kajian ini telah dijayakan dengan peruntukan geran kerjasama daripada Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia.

Rujukan

- Agus Purwanto, Mochammad Fahlevi, Priyono Budi Santoso, Aris Setyo Radyawanto, Choirul Anwar, & Utomo. (2020). Exploring the covid-19 pandemic impact On the indonesian students performanc. *Journal of critical Reviews*, 7(15).
- Chookajorn, T., Kochakarn, T., Wilasang, C., Kotanan, N., & Modchang, C. (2021). Southeast Asia is an emerging hotspot for COVID-19. *Nature Medicine*. doi:10.1038/s41591-021-01471-x
- De-Juanas, Á., Bernal Romero, T., & Goig, R. (2020). The Relationship Between Psychological Well-Being and Autonomy in Young People According to Age. *Frontiers in Psychology*, 11. doi:10.3389/fpsyg.2020.559976
- Dingley, C., & Roux, G. (2014). The role of inner strength in quality of life and self-management in women survivors of cancer. *Research in nursing & health*, 37(1), 32–41. <https://doi.org/10.1002/nur.21579>
- Kotera, Y., & Ting, S.H. (2021). Positive Psychology of Malaysian University Students: Impacts of Engagement, Motivation, Self-Compassion, and Well-being on Mental Health. *Int J Ment Health Addiction*, 19, 227–239. <https://doi.org/10.1007/s11469-019-00169-z>
- Lundman, B., Aléx, L., Jonsén, E., Norberg, A., Nygren, B., Santamäki Fischer, R., & Strandberg, G. (2009). Inner strength—A theoretical analysis of salutogenic concepts. *International Journal of Nursing Studies*, 47(2), 251–260. doi:10.1016/j.ijnurstu.2009.05.02
- Lundman, B., Viglund, K., Aléx, L., Jonsén, E., Norberg, A., Fischer, R. S., Strandberg, G., & Nygren, B. (2011). Development and psychometric properties of the Inner Strength Scale. *International journal of nursing studies*, 48(10), 1266–1274. <https://doi.org/10.1016/j.ijnurstu.2011.03.006>

- Matud, M. P., López-Curbelo, M., & Fortes, D. (2019). Gender and Psychological Well-Being. *International journal of environmental research and public health*, 16(19), 3531. <https://doi.org/10.3390/ijerph16193531>
- Ministry of Health Singapore. (2020). Confirmed imported case of novel coronavirus infection in singapore; multi-ministry taskforce ramps up precautionary measures. Retrieved from <https://www.moh.gov.sg/news-highlights/details/confirmed-imported-case-of-novel-coronavirus-infection-in-singapore-multi-ministry-taskforce-ramps-up-precautionary-measures>
- New Straits Time. (2020). 3 coronavirus cases confirmed in Johor Baru. Retrieved from <https://www.nst.com.my/news/nation/2020/01/559563/breaking-3-coronavirus-cases-confirmed-johor-baru>
- Prihartini Budi Astuti & Arya Samudra Mahardhika. (2020). COVID-19: How Does It Impact to Indonesian Economy. *Jurnal Inovasi Ekonomi*, 5, 85-92.
- Rulandari, N. (2020). The Impact of the Covid-19 Pandemic on the World of Education in Indonesia. *Ilomata International Journal of Social Science*, 1(4), 242-250. <https://doi.org/10.52728/ijss.v1i4.174>
- Rochmyaningsih, D. (2020). Indonesia finally reports two coronavirus cases. Scientists worry it has many more. Retrieved from <https://www.science.org/content/article/indonesia-finally-reports-two-coronavirus-cases-scientists-worry-it-has-many-more>
- Ryff, C. (1989). Happiness is everything, or is it? Explorations on the meaning of psychological wellbeing. *Journal of Personality and Social Psychology*, 57, 1069–1081.
- Ryff, C., & Keyes, C. (1995). The structure of psychological well-being revisited. *Journal of Personality and Social Psychology*, 69, 719–727.
- UNICEF Indonesia. (2021). 80 million children in Indonesia face widespread impact from COVID-19 pandemic. Retrieved from <https://www.unicef.org/indonesia/press-releases/80-million-children-indonesia-face-widespread-impact-covid-19-pandemic>
- Van Dierendonck, D., Díaz, D., Rodríguez-Carvajal, R., Blanco, A., & Moreno-Jiménez, B. (2007). Ryff's Six-factor Model of Psychological Well-being, A Spanish Exploration. *Social Indicators Research*, 87(3), 473–479. doi:10.1007/s11205-007-9174-7
- Viglund, K., Jonsén, E., Lundman, B., Strandberg, G., & Nygren, B. (2013). Inner strength in relation to age, gender and culture among old people--a cross-sectional population study in two Nordic countries. *Aging & mental health*, 17(8), 1016–1022. <https://doi.org/10.1080/13607863.2013.805401>
- Viglund, K., Olofsson, B., Lundman, B., Norberg, A., Lovheim, H. (2021). Relationships among inner strength, health and function, well-being, and negative life events in old people: a longitudinal study. *Eur Journal of Ageing* . <https://doi.org/10.1007/s10433-021-00642-6>
- World Health Organization. (2020). Archived: WHO Timeline - COVID-19. Retrieved from <https://www.who.int/news/item/27-04-2020-who-timeline---covid-19>